



International Journal of Law, Government and
Communication (IJLGC)

Journal Website: <http://ijlgc.com/>
eISSN: 0128-1763



PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL: KERANGKA INSTITUSI DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

SOCIAL MEDIA MISUSE: INSTITUTIONAL AND LEGAL FRAMEWORK IN MALAYSIA

Nor Azlina Mohd Noor^{1*}, Ahmad Shamsul Abd Aziz², Rusniah Ahmad³

¹ Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: norazlyna@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: sham@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: rusniah@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 02.03.2020

Revised date: 08.03.2020

Accepted date: 14.03.2020

Published date: 15.03.2020

To cite this document:

Noor, N. A. M., Abd Aziz, A. S., & Ahmad, R. (2020). Penyalahgunaan Media Sosial: Kerangka Institusi dan Undang-Undang di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (18), 57-67.

DOI: 10.35631/IJLGC.518006.

Abstrak:

Media sosial merujuk kepada suatu set peralatan atas talian yang direkabentuk untuk interaksi sosial. Media sosial merupakan perpustakaan maklumat yang memudahkan pengedaran maklumat dan merupakan alat yang berpengaruh bagi aktiviti komunikasi. Disebabkan capaian demografik pengguna yang meluas, media sosial telah menjadi sasaran untuk disalahgunakan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu artikel ini ditulis dengan tujuan untuk menganalisa kerangka institusi dan undang-undang yang terlibat dalam mengawal penyalahgunaan media social di Malaysia. Artikel ini dihasilkan menerusi suatu kajian kualitatif dalam bentuk kajian perpustakaan. Data diperolehi daripada analisa yang dibuat ke atas beberapa undang-undang yang terdapat di Malaysia dan jurnal-jurnal. Artikel ini merumuskan bahawa undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan penyalahgunaan media sosial adalah mencukupi. Tiada keperluan untuk menggubal akta khas yang melibatkan penyalahgunaan media sosial kerana tiada suatu undang-undang khusus pun yang akan sesuai dengan semua keadaan. Namun begitu, peruntukan-peruntukan sedia ada ini perlu dibuat penambahbaikan untuk memastikan ia kekal relevan sesuai dengan kemajuan teknologi.

Kata Kunci:

Media Sosial, Penyalahgunaan, Undang-undang, Institusi, Malaysia

Abstract:

Social media refers to a set of online tools designed for social interaction. Social media is a library of information that facilitates the dissemination of information and it is a powerful tool for communication activities. Due to the widespread reach of the consumer demographics, social media has been misused by irresponsible group of individuals. This article is therefore intended to analyse the issues relating to the institutional and legal framework of the misuse of social media in Malaysia. This article employs the qualitative legal study methodology in the form of a library research. The data is derived from the analysis of some of the laws available in Malaysia and in information from related journals. Hence, this article concludes that the existing laws relating to the misuse of social media are sufficient. There is no necessity for the government to enact a new law relating to the misuse of social media as there is no specific law that would apply in all circumstances. However, these existing provisions need to be improved to ensure that they remain relevant in the era of advancement of technology.

Keywords:

Social Media, Misuse, Law, Institution, Malaysia

Pendahuluan

Media sosial merujuk kepada suatu set peralatan atas talian yang direkabentuk untuk interaksi sosial (Bertot, Jaeger & Hansen, 2012). Media sosial merupakan “perpustakaan maklumat” yang memudahkan pengedaran maklumat dan merupakan alat yang berpengaruh bagi aktiviti komunikasi. Suatu komunikasi menjadi lebih pantas dan mudah dengan kewujudan media sosial. Teknologi komunikasi moden ini membolehkan orang ramai berurusan dalam talian dengan pelbagai cara. Pengguna tidak lagi terhad kepada weblog atau blog, mereka juga menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam aktiviti jaringan sosial seperti perkongsian foto, mikroblog, muat naik video, dan pelbagai interaksi lain dengan media baharu yang baharu ini. Ia telah berkembang menjadi suatu komunikasi utama dalam pembinaan ungkapan sikap dan pendapat oleh masyarakat umum (Alan Branthwaite & Simon Patterson, 2011) secara tular. Media sosial kini bukan sahaja menjadi ejen sosialisasi malah turut digunakan dalam penyampaian pelbagai maklumat dan isu termasuk agama (Muhammad Adnan Pitchan & Siti Zobidah Omar, 2019; Muhammad Adnan, Siti Nur Husna & Mohd Izhar Ariff, 2018). Selain itu, media sosial juga menjadi tempat buruan pelbagai pihak termasuk para pemberita mencuba untuk mencipta berita atau mencari cerita (Breckon, 2013).

Disebabkan capaian demografik pengguna yang meluas, media sosial telah menjadi sasaran untuk disalahgunakan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Kini ramai pengguna media sosial telah menggunakan medium ini untuk memuat naik berita tidak benar, penyebaran ideologi yang ciri-cirinya berbentuk fahaman keras dan radikal ataupun ekstrem (Ahmad Sauffiyah, 2016) dan juga pernyataan yang menghina individu lain. Wujud juga kejadian melibatkan pengguna media sosial yang memuat naik status dan komen yang menghina institusi raja-raja Melayu (Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Bin Pitchan, 2017).

Isu yang menjadi persoalan ialah kewujudan kepelbagaian undang-undang yang berkaitan dengan media sosial dilihat tidak mampu mengekang penyalahgunaan tersebut. Individu yang terlibat sering kali menggunakan dalihan hak kebebasan bersuara seperti yang diperuntukkan

oleh Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Sungguhpun undang-undang mengiktiraf hak kebebasan bersuara, namun ia bukanlah suatu hak yang mutlak. (Ahmad Shamsul, 2017). Hak kebebasan bersuara di Malaysia termaktub di bawah Bahagian II kebebasan asasi di dalam Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa setiap warganegara adalah bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran.

Metodologi Kajian

Artikel ini dihasilkan menerusi suatu kajian kualitatif dalam bentuk kajian perpustakaan. Analisis data dibuat kepada beberapa undang-undang yang berkaitan dengan tujuan untuk mengkaji kerangka institusi dan isu-isu yang melibatkan undang-undang sedia ada berkaitan dengan penyalahgunaan media sosial di Malaysia.

Penyalahgunaan Media Sosial

Isu penyalahgunaan media sosial telah menjadi suatu isu polemik di Malaysia. Sesetengah pihak yang ingin meraih populariti sanggup menyebarkan berita yang tidak benar atau ideologi yang berunsur hasutan yang boleh menggugat keselamatan dan keharmonian negara. Sungguhpun undang-undang mengiktiraf kebebasan bersuara, namun ianya bukanlah kebebasan secara mutlak kerana masih tertakluk kepada undang-undang yang berkaitan. (Ahmad Shamsul & Rusniah, 2015).

Walaupun semua pihak bebas menyuarakan apa yang diinginkan menerusi Internet (Balkin, 2009), mahkamah di Malaysia juga diberikan kuasa untuk menafsirkan perlembagaan dengan memberi keutamaan untuk melindungi hak kebebasan asasi rakyat. Namun cabaran semasa mengajak kita untuk melihat kembali peruntukan undang-undang yang sedia ada yang berkaitan dengan evolusi teknologi yang telah mengubah cara berkomunikasi sesama manusia. Dengan kemunculan teknologi Internet, masyarakat mula beralih kaedah berkomunikasi daripada menerusi media tradisional sama ada penerbitan atau elektronik kepada media sosial. Kebebasan secara menyeluruh hanya membawa kehancuran kepada manusia walaupun pada hakikatnya kebebasan itu sendiri diiktiraf sebagai suatu keperluan dalam masyarakat (Hardin, 2001). Dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negara, suatu perkongsian maklumat yang diambil dari individu lain tanpa kesedaran atau pengetahuan pemilik khususnya di Internet yang mempunyai unsur hasutan serta fitnah merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang. Tindakan undang-undang boleh diambil sekiranya seseorang menghantar kenyataan di media sosial yang boleh menjejaskan reputasi seseorang lain (Nadia, 2014).

Keberkesanan undang-undang sedia ada dapat dinilai melalui peningkatan insiden-insiden penyalahgunaan media sosial. Statistik insiden keselamatan siber yang dikeluarkan oleh CyberSecurity Malaysia telah menunjukkan trend peningkatan kepada bilangan kes yang membabitkan keselamatan siber di antara tahun 2015-2020 dan ia adalah fakta yang sangat membimbangkan.

Jadual 1: Statistik Insiden Keselamatan Siber 2015-2020

Bil	Tahun	Bilangan insiden yang dilaporkan
1	Januari 2020	1074
2	2019	10772
3	2018	10669
4	2017	7962
5	2016	8334
6	2015	9915

Sumber: (CyberSecurity Malaysia,2020)

Antara kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan melalui media sosial termasuklah menghasut untuk memupuk rasa benci terhadap kerajaan, menyebarkan maklumat palsu yang boleh menggugat keselamatan negara, menghina agama, mengapi-apikan sentimen perkauman, penyebaran ajaran agama Islam yang sesat atau ideologi yang bertentangan dengan negara seperti komunisme, aktiviti penipuan melibatkan laman web perbankan dan pelaburan palsu, pelanggaran hakcipta dengan mengedar atau berkongsi kandungan berbentuk imej, audio atau visual tanpa kebenaran pemilik, memfitnah seseorang dengan tujuan menjatuhkan maruah, imej dan nama baik orang tersebut di mata masyarakat dan penyebaran kandungan pornografi, lucah dan sumbang. Bahan-bahan di blog misalannya adalah termasuk pandangan seorang blogger atau penulis berkaitan sesuatu topik serta komentar pembaca. Walau bagaimanapun, komentar yang mengandungi maklumat tidak tepat membolehkan seseorang terdedah kepada kesalahan-kesalahan lain seperti fitnah (Stefano, 2011). Kesalahan-kesalahan seperti fitnah dan hasutan inilah yang dikatakan penyalahgunaan kepada media sosial.

Terdapat pelbagai jenis kesalahan yang dilakukan di media sosial. Antara jenis-jenis kesalahan yang berkaitan dengan penyalahgunaan media sosial termasuklah menghasut, mengancam, menghina agama, menggodam, menipu, memfitnah dan sebagainya. Ciri-ciri kesalahan berdasarkan jenis-jenis kesalahan yang berkaitan dengan penyalahgunaan media sosial adalah seperti dalam Jadual 2 seperti di bawah;

Jadual 2: Ciri-Ciri Kesalahan Berdasarkan Jenis-Jenis Kesalahan Yang Berkaitan Dengan Penyalahgunaan Media Sosial

Bil	Jenis Kesalahan	Ciri-Ciri Kesalahan
1	Hasutan	Perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan yang mempunyai kecenderungan menghasut yang mendatangkan kebencian, penghinaan, atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana raja atau Kerajaan atau pada mana-mana bangsa atau golongan penduduk di Malaysia
2	Ancaman/ Ugutan	Perbuatan,ucapan, perkataan, penerbitan yang mengganggu ketenteraman atau keselamatan pihak tertentu, orang ramai atau Negara
3	Menghina Agama	Perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan yang mempunyai kecenderungan menghina, mengaibkan, mempersendakan atau perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan yang membawa maksud yang berlainan atau bertentangan dari ajaran sebenar.
4	Hakcipta	Perbuatan menghasilkan semula karya seseorang dalam bentuk menulis, merakam, menfilemkan, atau dalam apa-apa bentuk tanpa kebenaran pemilik asal tersebut.
5	Penggodaman (Hacking)	Perbuatan mencero boh emel atau akaun peribadi tanpa pengetahuan atau kebenaran pemilik akaun.
6	Penipuan (Fraud/Scam)	Kandungan di Internet mengenai sesuatu fakta dengan menyediakan maklumat yang mengelirukan dan mengakibatkan kerugian atau kehilangan dalam bentuk nilai wang atau harta seseorang.
7	Fitnah (Defamation)	Perkataan sama ada secara lisan atau dimaksudkan untuk dibaca atau dengan isyarat, atau oleh perwakilan yang boleh dilihat, membuat atau menerbitkan apa-apa tohmahan mengenai mana-mana orang, yang berniat untuk mencederakan, atau mengetahui atau mempunyai sebab untuk

		mempercayai bahawa tohmahan tersebut akan memudaratkan reputasi orang itu, berkata, kecuali dalam hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, untuk memfitnah orang itu.
8	Pemalsuan Identiti (Identity Theft)	Perbuatan mencuri identiti seseorang dan menyamar sebagai orang lain sekali gus menipu pengguna Internet dengan mencipta akaun yang menyerupai mangsa lazimnya bertujuan untuk kegiatan memfitnah dan mengaibkan mangsa atau mendapatkan keuntungan dari segi wang ringgit.
9	Lucah/ Sumbang/Jelik (Obscene/Indecent)	Kandungan, gambar atau komen yang mempunyai unsur-unsur lucah, pronografi, gangguan seksual, jelik dan menyakitkan hati yang boleh menyinggung tanggapan adab seseorang berhubung dengan kesopanan dan kehormatan. Kandungan begini mempunyai akan mendatangkan pengaruh negatif dan merosakkan pemikiran mereka yang mudah dipengaruhi.
10	Penjualan dan Pengiklanan Ubat	Kandungan di laman sesawang berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengiklanan dan penjualan ubat-ubatan atau produk yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sumber: (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia,2014)

Agensi Utama Yang Mengawal Selia Aktiviti Di Media Sosial

Terdapat tiga agensi utama yang memainkan peranan penting dalam mengawal selia aktiviti di media sosial iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan CyberSecurity Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia adalah agensi yang bertanggungjawab untuk menerima aduan penyalahgunaan internet. Menurut peruntukan Seksyen 16 (1) Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, antara fungsi dan peranan utama badan ini ialah untuk memberi nasihat kepada menteri mengenai dasar kebangsaan aktiviti komunikasi dan multimedia Malaysia, melaksanakan undang-undang komunikasi dan multimedia, mengawal selia segala perkara mengenai aktiviti komunikasi dan multimedia yang tidak diperuntukkan dalam undang-undang komunikasi, menimbang dan mengesyorkan reformasi undang-undang komunikasi, mengawasi dan memantau aktiviti komunikasi dan multimedia, menggalakkan dan meningkatkan pembangunan industri komunikasi serta pengawalan sendiri dan sebagainya.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) banyak menerima aduan daripada orang awam mengenai jenayah siber seperti gangguan buli, gangguan seksual, ancaman, tindakan menakutkan serta penyalahgunaan maklumat, butiran atau gambar peribadi bagi tujuan penganiayaan dan untuk memalukan atau mengaibkan individu tertentu. SKMM akan menyaring dan membuat keputusan sama ada untuk membuka kertas siasatan atau mengambil tindakan sewajarnya sama ada sekatan, melaporkan penyalahgunaan kepada pentadbir laman sesawang atau merujuk aduan tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang lain. Antara tindakan lain yang diambil oleh SKMM ialah mengenal pasti jenis kesalahan yang dilakukan suspek sebelum dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pendakwaan (SKMM,2020).

CyberSecurity Malaysia


CyberSecurity Malaysia pula ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Ia adalah pusat kepakaran keselamatan siber nasional dan berfungsi sebagai agensi yang bertanggungjawab memelihara aspek e-Keselamatan nasional. Sebelum ini dikenali sebagai Pusat Keselamatan dan Tindak Balas Kecemasan ICT Kebangsaan (NISER) di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sejak dari tahun 2005.

Pada dasarnya, peranan CyberSecurity Malaysia adalah untuk menyediakan perkhidmatan khusus dalam bidang keselamatan siber, seperti tindak balas kecemasan keselamatan siber, pengendalian insiden, dan forensik digital, pengurusan kualiti keselamatan siber dan pembangunan keupayaan dan kapasiti keselamatan siber. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai satu capaian (outreach) dan pembudayaan keselamatan siber, pusat penyelidikan dan pusat pemantauan (assessment) risiko keselamatan siber dan penilaian (evaluation) dan pensijilan keselamatan siber. Makmal forensik digital CyberSecurity Malaysia menjadi makmal pertama di rantau Asia Pasifik yang diiktiraf oleh ASCLD / LAB untuk mendapat akreditasi dalam bidang, 'Bukti Digital & Multimedia' berdasarkan standard ISO / IEC 17025: 2005 dan keperluan tambahan ASCLD / LAB Antarabangsa 2011, khusus untuk sesebuah makmal forensik digital (CyberSecurity,2020).

Polis Diraja Malaysia

Polis Diraja Malaysia adalah pasukan yang digunakan khidmat di dalam dan di seluruh Malaysia (termasuk perairan wilayahnya) bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah dan mengumpul risikan keselamatan (seksyen 3(3) Akta Polis 1967). Seksyen 20(3) Akta Polis 1967 telah menyenaraikan 13 tugas utama PDRM. Walaupun tiada peruntukan khas yang berkaitan dengan jenayah di media sosial, seksyen 3(2) memberikan tugas, kuasa dan budibicara pegawai polis untuk melaksanakan maksud yang tersebut dalam seksyen 3(3) yang termasuklah menangkap semua orang yang mana dia diberi kuasa oleh undang-undang untuk menangkap, memproses risikan keselamatan, menjalankan pendakwaan dan lain-lain.

Oleh itu, pasukan PDRM mempunyai kuasa untuk menyiasat dan menangkap penjenayah siber dengan menggunakan kaedah forensik digital melalui Unit Forensik PDRM. Di bawah forensik digital terdapat empat unit iaitu Unit Siasatan Jenayah Komputer, Internet dan Harta Intelek, Unit Siasatan Jenayah Telekomunikasi, Unit Siasatan Cakraoptik, dan Unit Pemantauan CCRC untuk memantau kegiatan orang awam mengenai penggunaan Internet (Muhammad Adnan Pitchan & Siti Zobidah Omar, 2019).




Rajah 1: Fungsi Agensi-Agensi Utama Yang Mengawal Selia Aktiviti Di Media Sosial

Sumber: (Analisa penulis)

Undang-Undang Yang Berkaitan Dengan Media Sosial

Akta utama dalam mengawal masalah di media sosial adalah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 tetapi ia adalah tidak menyeluruh. Ini adalah kerana dalam mengawal selia masalah penyalahgunaan media sosial terdapat keperluan untuk merujuk kepada akta-akta lain seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Hak Cipta 1987, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Keganasan 2015.



Rajah 2: Kerangka Undang-Undang Yang Berkaitan Media Sosial Di Malaysia

Sumber: (Analisa penulis)

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 digubal dengan tujuan untuk mengawal selia industri komunikasi dan multimedia yang menjurus ke arah percantuman dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Antara matlamat Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah untuk mewujudkan kuasa dan fungsi bagi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dalam usaha untuk menjamin matlamat dasar kebangsaan bagi industri komunikasi dan multimedia iaitu menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian tercapai. Dalam mengawal penyalahgunaan media sosial, Akta Komunikasi dan Multimedia telah memperuntukkan larangan atau sekatan kepada pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan dan juga pengguna perkhidmatan seperti larangan terhadap pemberian kandungan jelik di bawah seksyen 211 dan larangan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian di bawah seksyen 233.

Kanun Keseksaan

Kanun Keseksaan merupakan statut induk yang mentadbirkan kesalahan- kesalahan jenayah yang berlaku di Malaysia. Walaupun tiada peruntukan khusus bagi menyelesaikan masalah jenayah di media sosial, beberapa peruntukan kesalahan jenayah yang mungkin boleh diguna pakai. . Namun begitu peruntukan-peruntukan sedia ada ini tidak lengkap malah terdapat kelemahan di sana sini yang menyukarkan pengaplikasian peruntukan berkenaan kepada permasalahan siber (Nazura & Jasri ,2003).

Akta Jenayah Komputer 1997

Akta ini adalah akta yang memperuntukan kesalahan berhubungan dengan penyalahgunaan komputer. Akta Jenayah Komputer 1997 ini menggariskan beberapa bentuk kesalahan yang boleh disabitkan di mana elemen-elemen yang merupakan prasyarat bagi pensabitan kesalahan adalah bersesuaian dengan sifat jenayah komputer itu sendiri. Walau bagaimanapun, seperti undang-undang yang lain, Akta Jenayah Komputer 1997 juga tidak lari daripada kelemahan-kelemahan tertentu yang seharusnya ditangani segera (Nazura & Jasri,2003).

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau lebih dikenali dengan SOSMA (Security Offences (Special Measures) Act) dikuatkuasakan bagi menyediakan langkah-langkah khas berkaitan dengan kesalahan keselamatan bertujuan mengekalkan keamanan dan keselamatan dan bagi hal-hal berkaitan. Akta ini digubal bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA). Akta ini banyak digunakan untuk menahan individu yang melakukan kesalahan yang berkaitan keselamatan negara dan perlakuan tersebut dilakukan di media sosial.

Akta Pencegahan Keganasan 2015

Akta ini merupakan undang-undang berbentuk pencegahan terhadap perbuatan atau sokongan terhadap aktiviti keganasan yang melibatkan kumpulan penganas di negara asing. Akta ini berbentuk kawalan terhadap individu yang disyaki terlibat atau sememangnya terlibat dalam aktiviti keganasan. Ia memberi kuasa kepada pegawai polis untuk menangkap mana-mana individu tanpa waran jika mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan yang menjustifikasikan siasatan diadakan mengenai sesuatu kes. (Nurhafilah,2017).

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini digubal bertujuan untuk mengawal kegiatan percetakan dan penerbitan termasuk mengawal kegiatan penerbitan luar negara yang diimport masuk ke Malaysia. Semua penerbitan elektronik yang menerbitkan informasi secara atas

talian, haruslah bebas daripada menimbulkan ancaman keselamatan serta ketenteraman awam atau membangkitkan prasangka dari segi moral dan akhlak mulia. Sebarang perbuatan menyiarkan berita yang tidak benar dengan niat jahat adalah dianggap sebagai satu kesalahan di bawah akta ini (Ramachandra & Mohd Nor, 2016). Walaupun portal atas talian secara amnya adalah tidak termasuk dalam definisi mesin cetak, Nazli dan Aminuddin (2017) berpendapat bahawa ia boleh dikaitkan dengan terma penerbitan yang secara zahirnya memberi maksud semua penulisan atau material bercetak dan termasuklah rakaman audio. Oleh itu sebarang penulisan atau material bercetak yang dibuat atas talian juga adalah termasuk dalam definisi penerbitan di bawah akta ini.

Akta Hak Cipta 1997

Akta ini merupakan suatu akta bagi membuat peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berhubung dengan hak cipta bagi melindungi hak eksklusif pemunya di bawah seksyen 13(1) Akta Hak Cipta 1987. Hak eksklusif ini memberikan hak kepada pemunya hak cipta untuk menghalang suatu karya daripada dihasilkan semula ke dalam apa-apa bentuk bahan serta disampaikan kepada orang awam termasuk di medium media sosial yang dilakukan tanpa kebenaran atau tanpa pengiktirafan kepada pemunya hak cipta.

Akta Rahsia Rasmi 1972

Akta ini terpakai kepada pegawai awam yang memegang sesuatu jawatan atau pekerjaan dalam atau di bawah sesuatu perkhidmatan awam. Tiada peruntukan khusus berkaitan dengan media sosial. Walau bagaimanapun jika berlaku sebarang percubaan dan pengapian yang melibatkan rahsia rasmi di media sosial seksyen 14 Akta Rahsia Rasmi 1972 ini boleh diguna pakai.

Akta Fitnah 1957

Penyebaran maklumat menerusi media sosial boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Fitnah 1957 jika maklumat tersebut dikategorikan sebagai fitnah sivil iaitu merendahkan diri seseorang di mata segolongan masyarakat atau masyarakat umum, menyebabkan seseorang tersebut dicemuh, dihina, dibenci atau dikeji, merosakkan reputasi diri seseorang dalam mana-mana jawatan, profesion atau perniagaan atau merosakkan kredibiliti seseorang.

Akta Hasutan 1948

Akta Hasutan 1948 adalah suatu akta yang memperuntukkan hukuman bagi perbuatan hasutan. Tiada juga sebarang peruntukan jelas yang melibatkan hasutan atas talian ataupun di media sosial, walau bagaimanapun jika elemen hasutan dipenuhi, ia tetap adalah satu kesalahan tidak

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Akta ini digubal untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial. Antara hak yang termaktub di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 adalah perlindungan privasi. Tindakan seseorang yang melakukan pengumpulan data peribadi dengan disedarinya atau secara melulu tanpa persetujuan pengguna data adalah suatu kesalahan di bawah akta ini.

Isu Undang-undang

Terdapat beberapa isu undang-undang yang telah dikenalpasti berikutan pelbagai peruntukan undang-undang berkaitan penyalahgunaan media sosial di Malaysia. Antaranya adalah mengenai peruntukan undang-undang sedia ada telah dianggap lapuk dan usang, penggantungan (moratorium) undang-undang berkaitan dan pemansuhan undang-undang.

Peruntukan undang-undang sedia ada dianggap lapuk dan usang

Wujud pandangan daripada pakar undang-undang bahawa undang-undang sedia ada boleh dianggap sudah lapuk dan usang kerana digubal sebelum wujudkan teknologi masa kini. Undang-undang sedia ada dianggap tidak mengambil kira perubahan teknologi yang semakin pesat (Utusan Malaysia, 2015).

Penggantungan Undang-undang

Beberapa peruntukan undang-undang yang disifatkan “zalim” melalui status penggantungan termasuklah yang berkaitan dengan penyebaran berita tidak benar iaitu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Akta-akta yang digantung ini masih boleh diterus pakai dalam tiga keadaan iaitu sekiranya menimbulkan unsur ancaman kepada keselamatan negara, unsur ancaman kepada orang awam dan mencetuskan ketegangan kaum.

Pemansuhan Undang-undang

Akta Antiberita Tidak Benar 2018 telah dimansuhkan oleh Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2020. Pemansuhan itu dibuat atas alasan undang-undang dan akta sedia ada memadai untuk mendakwa mana-mana pihak yang membuat berita palsu bertujuan memfitnah.

Kesimpulan

Artikel ini merumuskan bahawa undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan penyalahgunaan media sosial adalah mencukupi. Tiada keperluan untuk menggubal akta khas yang melibatkan penyalahgunaan media sosial kerana tiada suatu undang-undang khusus pun yang akan sesuai dengan semua keadaan. Namun begitu, peruntukan-peruntukan sedia ada ini perlu dibuat penambahbaikan. Isu-isu undang-undang yang berkaitan dengan undang-undang sedia ada juga perlu diperhalusi supaya individu yang melakukan penyalahgunaan misalnya kesalahan jenayah dengan menggunakan teknologi menerusi media sosial boleh dikenakan tindakan undang-undang atas kesalahan tersebut.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan. Penulis-penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas pembiayaan penyelidikan ini melalui geran FRGS/1/2016/SSI10/UUM/02/3

Rujukan

- Ahmad Sauffiyyan Abu Hassan (2016). DAESH: Kebangkitan Dan Pengaruh Media Sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysian* Jilid 32 (2) 2016: 381-404
- Ahmad Shamsul Abd Aziz (2017). Perlindungan hak cipta dan kebebasan bersuara pengguna di Internet: suatu analisa mencari keseimbangan dalam pertembungan dua hak ini di Malaysia. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Universiti Utara Malaysia. (tidak diterbitkan).
- Ahmad Shamsul dan Rusniah Ahmad (2015) Undang-undang Hak Cipta dan Kebebasan Bersuara , 1 LNS A xlv
- Alan Branthwaite dan Simon Patterson, (2011). The power of qualitative research in the era of social media, *Qualitative Market Research: An International Journal*, Vol. 14 Issue: 4, pp.430-440, <https://doi.org/10.1108/13522751111163245>
- Balkin, Jack M. (2011).”Free Speech and Press in the Digital Age: The future of free expression in a digital age,” *Pepp.L.Rev* 36 (2009):427444.Stefano, D.S., (2011). Social media risks, *CLJ Bulletin* 36 (2011):1-5.
- Bertot, J.C., Jaeger, P.T., & Hansen, D. (2012). The impact of policies on government social media usage: issues, challenges and recommendations. *Government Information Quarterly*

- 29 (2012): 30-40.
- Breckon, R. (2013), Social media's legal criteria, dicapai atas talian di http://www.cljlaw.com/arthighlight_1309SocialMediasLegalCriteria.pdf pada 16 Mac 2016
- CyberSecurity Malaysia. (2020) Dicapai atas talian di <https://www.cybersecurity.my/en/index.html> pada 1 Februari 2020
- Hardin,G.(2001). "The Tragedy of the Commons," *The Social Contract*. 26-35.
- Muhammad Adnan Pitchan & Siti Zobidah Omar (2019). Dasar Keselamatan Siber Malaysia: Tinjauan Awal Terhadap Kesedaran Netizen dan Undang-Undang, *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 35(1) 2019: 103
- Muhammad Adnan Pitchan, Wan Amizah Wan Mahmud, Shahrul Nazmi Sannussi, Ali Salman (2015). Control and freedom of the Internet: Challenges faced by the government. *Journal of Asian Pacific Communication*, 25(2), 243-252.
- Muhammad Adnan, Siti Nur Husna, & Mohd Izhar Ariff. (2018). Teori Al-Daruriyyat dan Penggunaan Media Sosial: Satu Perbincangan Konsep. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(4), 75-92.
- Nadia Abu Bakar. (2014). Social media privacy in the workplace. *LNS (A)* 1:cix.
- Nazli Nawang & Aminuddin Mustaffa.(2017). Online News Portals in Malaysia; Should They be Subjected to the Existing Traditional Media Laws? *World Applied Sciences Journal*, 35(): 1718-1722.
- Nazura Abdul Manap & Jasri Jamal (2003). Jenayah Komputer: Perbandingan Menurut Akta Jenayah Komputer 1997 dan Prinsip Undang-undang Jenayah Islam. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 7, 15-36.
- Nurhafilah Musa.(2017). Ulasan Perundangan Akta Pencegahan Keganasan 2015. *KANUN* (1) 210-222.
- Ramachandra Ponnand Mohd Nor Shahizan Ali. (2016). Social media issues embedded in broadcasting: Malaysian experience. *Journal of Social Sciences and Humanities* 10(1): 29-43.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. (2020). Dicapai atas talian di <https://www.mcmc.gov.my/en/home> pada 1 Februari 2020
- Utusan Malaysia (2015). Kebanyakan undang-undang media sudah usang, di capai atas talian di <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kebanyakan-undang-undang-8232-media-sudah-usang-1.143772#sthash.wmhaXrag.dpuf> pada 13 Mac 2016
- Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan (2017). Media Baharu dan Institusi Raja di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-raja di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. Jilid 33(1) 2017: 406-422